

# Dari Sebulan Ke Sebulan

Sir Tun Cheng Lock Tan, pemimpin orang-orang Cina yang terkenal semenjak sebelum perang dahulu telah meninggal dunia. Ia telah hilang setelah berjaya memperjuangkan cita-cita orang Cina Malaya. Ia telah pergi setelah segala langkah politik yang dilangkahkannya berjaya. Bagi orang-orang Cina, namanya akan sentiasa dijulang dan bagi ahli-ahli siasah bangsa Melayu namanya menjadi ingatan-ingatan.

\* \* \*

Tatkala menyambut kemangkatannya Tuan T.H. Tan menyatakan bahawa mendiang Sir Tan Cheng Lock Tan berjasa besar menyelamatkan orang-orang Cina daripada diasingkan atau dibuang keluar negeri. Satu kejayaan yang besar didalam sejarah perjuangan<sup>1</sup> siasatnya semenjak dari sebelum perang sehingga membawa masa perang ketiga ia menjadi Yang Dipertua Orang-Orang Cina Seberang Laut yang bertempat di India dalam masa Perang Dunia Yang Kedua. Di sana mendiang itu mengeluarkan satu memorandum kepada kerajaan British. Apa yang termaktub di dalam memorandumnya itu semuanya terlaksana sekarang - dalam masa Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi sebuah kerajaan yang merdeka.

\* \* \*

Setelah Jeneral Haris Nasution datang ke Tanah Melayu, maka Tengku menyatakan yang beliau bersedia menjadi orang tengah di dalam perbalahan di antara Indonesia dengan Belanda mengenai Irian Barat. Tengku telah menggunakan jasa baiknya itu tatkala ia melawat Kanada dan Eropah. Dari pihak Belanda Tengku telah disambut tetapi apabila balik Tengku kena serang dengan hebatnya dari pihak Indonesia yang mengkehendaki penyerahan bulat Irian Barat dengan tidak syarat-syaratnya lagi.

Kemudian sebahagian golongan di Indonesia merasa perbuatan itu tidak patut, (sememangnya tidak patut - P) lalu mencari jalan mengheningkan keadaan itu dan sekarang, Tengku berfikir-fikir pula hendak meneruskan usahanya menjadi orang tengah itu.

Orang ramai berfikir-fikir, lebih baik jangan campur lagi - kerana sifat orang-orang Indonesia, terutamanya pemimpin-pemimpinnya yang ada sangat mudah memutar-mutar lidahnya. Tumpukan perhatian terhadap kepada perkembangan Malaya tentulah lebih baik daripada menjadi "hidung tak mancung pipi tesorong"

\* \* \*

Kerajaan Singapura akan mengatur semula<sup>2</sup> pertadbirannya mengenai agama Islam. Majlis Penasihat Islam Singapura akan dihapuskan dan akan diadakan pula suatu jabatan agama dengan melantik seorang mufti serta anggota-anggota mesyuaratnya. Selain daripada menguruskan perkara-perkara yang bersabit dengan nikah kahwin jabatan itu akan mengelola pula masjid-masjid dan hal ehwal wakaf-wakaf Islam di Singapura yang pada masa ini dijaga kawalan Muslim & Hindu Endowment Board. Juga jabatan akan berkuasa pula mengelola pungutan zakat seperti yang dijalankan di Persekutuan Tanah Melayu. Ura-ura ini bagus, tetapi ada pula terbit berita-berita angin bahawa harus yang akan memegang jawatan mufti itu hendak dicari orang dari Indonesia. Jika benar khabar ini tentulah kelak orang tertanya-tanya apakah di Singapura dan di Malaya tidak ada orang yang boleh dijadikan mufti? Bahkan melihat kepada jabatan lain seperti mengenai Dewan Bahasa nampaknya dari Indonesia juga. Apakah jabatan yang mengenai agama ini pula ada pertaliannya.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah siasahnya

<sup>2</sup> Ejaan sekarang adalah pentadbiran

Akhirnya Tengku menyatakan bahawa Tengku tidak mau lagi campur.

Dengan politik untuk merapatkan Singapura dengan

Indonesia? Inilah soal-soal yang timbul dalam perkara ini sehingga ada orang yang harus berkata kepada agama pun diharapkan dari Indonesia pula.

\* \* \*

Sedikit masa dahulu Majlis Islam penasihat kerajaan Singapura telah menganjurkan “perdamaian” di antara Jamiyah, PERGAS dan Muhammadiyyah, dan dengan kerana itu dapatlah diadakan perjumpaan empat serangkai dengan suatu syarahan umum dihadapan panggung Taj. Sesudah itu timbulah pula gelaran-gelaran menjulang pemimpin-pemimpin sebagai “Bapa Perdamaian”. Kemudian hilanglah rancangan gabungan itu - tidak terdengar-dengar lagi khabar beritanya: Apakah ada rancangan gabungan itu hendak diteruskan atau hanya sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Orang ramai hanya tersenyum sahaja mendengar gelaran “Bapa Perdamaian” kerana sepanjang yang mereka tahu tidak ada permusuhan atau perkelahian di antara badan-badan yang digabungkan itu. Dengan itu mereka memandang dan berkata rupa-rupanya masih banyak sifat bekerja untuk cari publisiti - *Wa Allāhu A'lam*.

\* \* \*

Dalam Majlis Muzakarah mengenai halal haramnya wang loteri kebajikan masyarakat yang diadakan di Kuala Kangsar telah diputuskan bahawa wang itu haram. Di antaranya hanya dua orang yang dikatakan ulama yang mengatakan bahawa wang loteri itu halal - seorang mengatakan hanya ulama-ulama sahaja mengadakan hukumnya pada hal di dalam kitab katanya tidak ada keterangan yang jelas untuk menghukumkan wang loteri itu haram. Kepada ini kita ucapkan *mā shā' Allāh!* Apakah tidak ada lebih terang daripada kenyataan yang menunjukkan daripada sebab-sebab ayat mengharamkan judi itu. Apakah ini tidak lebih terang daripada siang? Tuan Mufti Johor sendiri mengatakan bahawa loteri itu haram, dan barangsiapa menghalalkannya

tentulah jadi kafir!

\* \* \*

Seorang lagi mengatakan tiket-tiket loteri perkara baru dan kerana itu ia bukan judi dan hukumnya tidak haram – ia boleh digunakan dalam segenap segi pemakaian. Tiket loteri zahir lepas Perang Dunia yang kedua dan perkara baru yang seperti ini harus *dīqiyāskan* kepada perkara-perkara lama. Dalil itu beredar menurut zaman. Loteri itu bukan haram kerana ada orang yang menjual dan ada pula yang membelinya. Seterusnya dikatakannya ini berlainan dengan lumba kuda. Ia memberi dua dalil iaitu dalil **isi** dan dalil **bungkus**. Dalil isi kepada orang-orang yang tau faedahnya dan boleh menyelidikinya, sedang dalil bungkus pula ialah orang-orang yang tak tau guna dan faedahnya. Loteri perkara baru – tidak dapat dibabitkan dengan judi di zaman jahiliah dahulu. Loteri bukan milik kerajaan, boleh digunakan pada sebarang urusan.

Tatkala membaca keterangan ini orang-orang garu kepala kerana daripadanya orang boleh menyimpulkan bahawa ia berpendapat 1) Hukum-hukum agama adalah boleh berubah mengikut peredaran masa. 2) Keadaan loteri sekarang tidak ada pada zaman dahulu, jadi perkara baru hanya sesudah perang yang kedua ini. 3) Tidak sama dengan judi (tiket lumba kuda). 4) Dalil-dalil agama ada dalil isi dan bungkus: Dalil isi hanya kepada orang-orang yang tau faedahnya dan dalil bungkus bagi orang-orang yang tak tahu guna dan faedahnya. 5) Loteri tidak sama dengan judi di zaman jahiliah: dan 6) Wang loteri boleh digunakan kepada segala urusan. Untuk ini, kita hanya mengucap *Māshā' Allāh! Inshā' Allāh* kelak akan diulas dalam keluaran yang akan datang oleh pengarang kita tentang hujah-hujah yang sangat merbahaya ini yang mengelirukan orang-orang awam.

\* \* \*

Keputusan muzakar itu sekarang sedang disusun.

semolek-moleknya hendaklah ulama-ulama itu tegas meletakkan <sup>3</sup>perdiriannya. Kalau sudah haram – haram hukumnya yang tetap, buatlah memorandum bersama meminta kepada Yang Di-Pertuan Agong supaya loteri itu diharamkan – apalagi wang itu untuk pembina masjid. Orang-orang berharap mereka hendaklah berani menegakkan hak agamanya – tidakkah ulama- ulama itu waris *anbiyā'* untuk menegakkan kalimah Tuhan? Kalau tidak ulama-ulama bergerak siapakah lagi? Orang-orang memberi ingat! Wahai ulama- ulama bahawa tuan-tuan akan ditanya tanggungjawab tuan terhadap kepada agama tuan! Ingat! Tidak lama lagi kita akan menghadap Tuhan! Bersiap-siaplah!

\* \* \*

Tidak lama dahulu, kerajaan Singapura, bahagian Kementerian Kebudayaan, telah mengeluarkan belanja untuk menjemput Pak Kasur bekerja sementara mengenalkan kesenian

Indonesia di radio Singapura. Kerajaan cukup meraikannya dan membuat dakyah-dakyah kerananya. Dalam masa beberapa bulan itu, Pak Kasur pun sibuk dan radio tidak berhenti-hentinya menyiaran rancangan Pak Kasurnya dengan mengenalkan angklung ala Jawa Barat itu. Di sana sini dihebahkan “keistimewaan” angklung <sup>4</sup>an banyak anak-anak diajar untuk mempopularkan angklung itu. Tetapi apabila Pak Kasur balik maka orang-orang pun tidak mendengar lagi tentang angklung – hilang bersama-sama Pak Kasur – yang tinggal riwayatnya iaitu rakyat menanggung perbelanjaannya. Apakah ini tidak juga menjadi salah satu tanggungan rakyat sehingga berbagai-bagai cukai diadakan? Dan harus pula orang bertanya: Apakah kelak yang didapat daripada rancangan Dewan Bahasa melantik Dr Selamat Muljana untuk mengarahkan Dewan Bahasa Singapura? Orang tentu bertanya.



*Jawatankuasa Pusat “Bulan Bahasa Kebangsaan” dalam persidangannya yang pertama di Kuala Lumpur.*

*Gambar menunjukkan Menteri Muda Pelajaran, Kapten Abdul Hamid Khan sedang berucap. “Bulan Bahasa” akan dilancarkan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada 28 Januari ini.*

<sup>3</sup> Ejaan sekarang pendirian

<sup>4</sup> Ralat; sebetulnya dan